

SULIT



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

PENTAKSIRAN AKHIR

SESI I : 2025/2026

SPP 10223 : MATEMATIK PERNIAGAAN

Jenis item	Politeknik Pengubal	Bil. Perlu Gubal	Bilangan Set
Objektif : 20 Soalan Subjektif : 9 Soalan	Kolej Komuniti Kulim	1 Set	Set 1

NAMA PENGUBAL : SITI JARIAH BINTI SAHAR

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
OLEH KETUA PENGAWAS**

SULIT

BAHAGIAN A : 20 MARKAH**ARAHAN :**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan objektif. Tandakan jawapan anda di dalam borang OMR yang disediakan.

- CLO1 1. Apakah definisi Titik Pulang Modal (TPM)?
- A. Peniaga mengalami sedikit kerugian.
- B. Peniaga mendapat sedikit keuntungan.
- C. Peniaga tidak mendapat untung dan tidak mendapat kerugian.
- D. Peniaga tidak mendapat untung dan mengalami sedikit kerugian.
- CLO1 2. Analisis Titik Pulang Modal (TPM) dapat dianalisis menggunakan kaedah algebra dan _____.
- A. graf
- B. model
- C. jadual
- D. lakaran
- CLO1 3. Kenalpasti formula jumlah kos berubah.
- A. Kos berubah + Kos Tetap
- B. Kos berubah X harga jualan
- C. Kos berubah seunit / kuantiti
- D. Kos berubah seunit X kuantiti
- CLO1 4. Titik Pulang Modal (TPM) berada pada persilangan di antara dua garisan dalam graf TPM. Namakan dua garisan tersebut.
- A. Kos Berubah dan Kos Tetap.
- B. Kos Berubah dan Kos Tetap.
- C. Jumlah Hasil dan Jumlah Kos.
- D. Jumlah Hasil dan Kos Berubah

- CLO1
5. Kos tetap boleh ditaktifkan sebagai _____.
- A. Kos yang berubah mengikut jumlah pengeluaran
 - B. Kos yang hanya berlaku apabila jumlah pengeluaran meningkat
 - C. Kos yang tidak berubah walaupun jumlah pengeluaran bertambah
 - D. Kos yang meningkat berkadar dengan peningkatan jumlah hasil
- CLO1
6. Apakah formula untuk mengira keuntungan?
- A. $\text{Untung} = \text{Hasil} - \text{Belanja}$
 - B. $\text{Untung} = \text{Belanja} - \text{Hasil}$
 - C. $\text{Untung} = \text{Hasil} + \text{Belanja}$
 - D. $\text{Untung} = \text{Kos Tetap} + \text{Kos Berubah}$
- CLO1
7. Apakah yang dimaksudkan dengan tokok harga?
- A. Nilai yang dikurangkan oleh peniaga.
 - B. Nilai yang diturunkan kerana pemberian diskaun.
 - C. Nilai yang ditambah kepada kos barangan atau perkhidmatan.
 - D. Nilai yang dikeluarkan oleh peniaga dalam menghasilkan sesuatu produk.
- CLO1
8. Apakah yang dimaksudkan dengan turun harga?
- A. Nilai yang dinaikkan kerana pemberian diskaun
 - B. .Perbezaan antara harga jualan asal dan kos tetap.
 - C. Harga sesuatu barang yang meningkat daripada harga asal.
 - D. Perbezaan antara harga jualan baru dengan harga jualan asal.
9. Takrifkan harga senarai.
- A. Harga yang dibayar oleh pembeli.
 - B. Peratusan daripada harga katalog.
 - C. Jumlah yang perlu dibayar setelah potongan harga.
 - D. Senarai harga yang tertakluk kepada diskaun harga.

- CLO1 10. Apakah yang dimaksudkan dengan diskaun tunai?
- A. Potongan harga yang diberikan selepas tempoh pembayaran tamat.
 - B. Potongan harga yang diberikan untuk pembayaran menggunakan kad kredit.
 - C. Potongan harga yang diberikan apabila pembelian dilakukan secara ansuran.
 - D. Potongan harga yang diberikan apabila pembayaran dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.
- CLO1 11. Bagaimanakah menentukan jumlah hasil dalam analisis Titik pulang Modal?
- A. Kos Tetap X Kuantiti
 - B. Kos Berubah Seunit X Kuantiti
 - C. Harga Jualan Seunit X Kuantiti
 - D. Harga Jualan Seunit X Kos tetap
- CLO1 12. Pernyataan manakah **BENAR** tentang hasil, belanja dan keuntungan?
- A. Hasil = 0 = Keuntungan
 - B. Hasil = Belanja = Kerugian
 - C. Hasil > Belanja = Keuntungan
 - D. Hasil < Belanja = Keuntungan
- CLO1 13. Antara berikut, manakah tujuan utama Analisis Titik Pulang Modal?
- A. Mengetahui jumlah hasil perniagaan.
 - B. Menghitung jumlah margin caruman.
 - C. Mengira jumlah kos yang ditanggung.
 - D. Merancang dan mengawal kos-kos berkenaan dengan jualan
- CLO1 14. Berikut merupakan andaian asas dalam analisis Titik Pulang Modal **KECUALI**?
- A. Kos berubah setiap unit adalah malar.
 - B. Kos tetap adalah berubah pada keseluruhannya.
 - C. Kecekapan dan daya pengeluaran operasi tidak berubah.
 - D. Volum pengeluaran atau jualan sahaja mempengaruhi kos.

- CLO1 15. Apakah maksud **margin caruman** dalam Analisis Titik Pulang Modal?
- A. Perbezaan antara hasil jualan dan kos tetap.
 - B. Jumlah hasil jualan selepas ditolak semua kos
 - C. Jumlah kos tetap dan kos berubah bagi setiap unit.
 - D. Perbezaan antara harga jualan seunit dan kos berubah seunit.
- CLO1 16. Apabila harga jualan seunit meningkat tetapi kos berubah kekal, titik pulang modal akan _____.
- A. berkurang
 - B. bertambah
 - C. tidak berubah
 - D. Bertambah dua kali ganda
- CLO1 17. Antara berikut, yang manakah faktor berlakunya penurunan harga barang?
- A. Barang masih baru.
 - B. Barang hampir tamat tarikh luput.
 - C. Permintaan barang di pasaran bertambah.
 - D. Stok barang telah hampir kehabisan stok.
- CLO1 18. Antara berikut, yang manakah pernyataan yang **TIDAK BENAR** mengenai tokok harga?
- A. Tokok harga merupakan untung kasar.
 - B. Tokok harga adalah merujuk kepada harga katalog.
 - C. Tokok harga dikira berasaskan harga kos atau harga jualan.
 - D. Tokok harga ialah harga yang ditambah daripada kos barangan untuk menentukan harga jualan.

CLO1

19. Pilih pernyataan yang **BETUL** tentang syarat kredit 7/10, n/30.
- A. Diskaun tunai diberikan sebanyak 10% jika invoice dijelaskan dalam tempoh 7 hari dari tarikh invoice.
 - B. Diskaun tunai diberikan sebanyak 10% jika invoice dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh invoice.
 - C. Diskaun tunai diberikan sebanyak 7% jika invoice dijelaskan dalam tempoh 10 hari dari tarikh invoice.
 - D. Diskaun tunai diberikan sebanyak 7% jika invoice dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh invoice.

CLO1

20. Pilih diskaun yang betul jika tawaran diskaun yang diberi adalah 15/10/5.
- A. Pentarikan biasa
 - B. Pentarikan akhir bulan
 - C. Diskaun Perdagangan Bersiri
 - D. Diskaun Perdagangan Tunggal

BAHAGIAN B : 30 MARKAH**ARAHAN:**

Bahagian ini mengandungi **SEMBILAN (9)** soalan berstruktur. Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga soalan 3 merujuk kepada senario perniagaan di bawah :

Aida Sweet Bike Bakery menghasilkan kek cawan dengan kos tetap adalah RM 4, 000, harga jualan seunit ialah RM 10, kos berubah seunit ialah RM 6, kuantiti jualan adalah 1, 200 unit.

CLO2

SOALAN 1

Kira jumlah keuntungan Aida Sweet Bakery.

[2 markah]

CLO2

SOALAN 2

Kira titik pulang modal dalam kuantiti.

[3 markah]

CLO2

SOALAN 3

Kira kuantiti kek cawan yang perlu dijual ingin memperoleh untung RM 5, 000.

[3 markah]

Soalan 4 hingga soalan 6 merujuk kepada senario perniagaan di bawah :

Zara Scarf mengeluarkan produk tudung Kirana. Keluaran pertama iaitu Kirana dibeli pada harga kos RM120 seunit. Syarikat mengenakan tokok 25% atas kos untuk menentukan harga jualan Kirana. Selepas beberapa bulan, jualan Kirana menurun lalu syarikat menawarkan 15% turun harga daripada harga jualan asal untuk menarik pembeli.

CLO2 **SOALAN 4**
Kira jumlah tokok harga. [3 markah]

CLO2 **SOALAN 5**
Kira harga jualan selepas tokok harga yang pertama. [3 markah]

CLO2 **SOALAN 6**
Kira harga jualan baru selepas turun harga 15%. [4 markah]

CLO2 **SOALAN 7**
Pada 10 Oktober 2025, Anzel Computer Pro menjual 50 unit mesin pencetak kepada sebuah kedai komputer pada harga senarai RM4 000 seunit. Syarikat menawarkan diskaun perdagangan 20%. Hitung harga bersih yang perlu dibayar oleh pelanggan menggunakan kaedah peratus pelengkap. [3 markah]

CLO2 **SOALAN 8**
Kedai Alatulis Eliza memberi diskaun perdagangan bersiri 10/7/5 kepada pembelian pukal alat tulis bernilai RM10,000.
a) Kira perpuluhan bersih setara. [2 markah]
b) Kira harga bersih yang perlu dibayar. [2 markah]

CLO2 **SOALAN 9**
Pada 25 Oktober 2025, Perabot Eureka mengeluarkan invois kepada pelanggan bernilai RM5,000 dengan syarat 2/10, n/30 EOM (end of month).
a) Tentukan tarikh akhir pelanggan layak menerima diskaun tunai. [1 markah]
b) Kira jumlah diskaun tunai. [2 markah]
c) Kira harga bersih yang perlu dibayar jika pelanggan membayar dalam tempoh diskaun. [2 markah]

SOALAN TAMAT